Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SUMBER : Sinar Harian
TARIKH : 09/10/2008
MUKA SURAT : P2

# UMP adakan program kemasyarakatan

**KUANTAN** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan Program Khidmat Komuniti Rakan Siswa di Kawasan Tanah Perkuburan Islam Batu 8, Kawasan Masjid/Tanah Perkuburan Islam Pandan 2 dan Perkampungan, Masjid serta Tanah Perkuburan Islam Jaya Gading, di sini, hari ini.

Seramai 400 penuntut Tahun Satu terbabit dalam program yang bermula jam 7 pagi dan ia turut dibantu JKK bagi melancarkan perjalanan program.

Antara objektif utama program itu ialah memberi peluang dan pendedahan kepada penuntut untuk melakukan kerja masyarakat seperti bergotong-royong sambil mendekatkan diri dengan masyarakat setempat.

Masyarakat setempat dijemput memeriahkan program tersebut.